

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Khamis, 20 April 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA
BAGI PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA
INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN
FEBRUARI 2023**

Indeks Pelopor kembali pulih 0.6 peratus kepada 111.6 mata pada Februari 2023, memberi isyarat ekonomi lebih optimistik dalam tempoh terdekat

PUTRAJAYA, 20 APRIL 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA: INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN BAGI FEBRUARI 2023**. Indeks Pelopor (IP) merupakan alat yang digunakan untuk menjangkakan kenaikan dan penurunan ekonomi dalam purata empat hingga enam bulan ke hadapan.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Perubahan tahunan Indeks Pelopor (IP) pulih semula dengan mencatatkan pertumbuhan 0.6 peratus untuk mencapai 111.6 mata daripada 110.9 mata pada Februari 2022 (**Paparan I**). Pertumbuhan tersebut disokong secara signifikan oleh prestasi yang baik dalam Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan, Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain dan Bilangan Syarikat Baru Didaftar. Trend ini selari dengan pertumbuhan bulanan IP yang mencatatkan pertumbuhan 2.9 peratus pada Februari 2023 berbanding negatif 1.5 peratus pada bulan sebelumnya. Hampir kesemua komponen menunjukkan peningkatan terutamanya Bilangan Syarikat Baru Didaftar (1.0%).

Melihat kepada arah aliran jangka panjang terlicin pada Februari 2023, IP mencatatkan mata indeks yang lebih baik berbanding bulan sebelumnya iaitu 99.41 mata (Januari 2023 : 98.61 mata) (**Paparan II**). Meskipun masih berada di bawah trend 100.0 mata, prospek ekonomi dijangka akan lebih baik dalam tempoh terdekat

disokong oleh permintaan domestik dan langkah dasar yang berdaya tahan di bawah Belanjawan 2023.

Indeks Serentak (IS) yang mencerminkan keadaan ekonomi semasa, menunjukkan pertumbuhan tahun ke tahun yang lebih baik dengan mencatatkan 121.6 mata pada Februari 2023 berbanding 116.3 mata pada Februari 2022. Peningkatan ini disumbangkan oleh semua komponen terutamanya Nilai Caruman Benar, KWSP (16.8%). Pada masa yang sama, perubahan bulanan IS mencatatkan 1.8 peratus pada bulan rujukan daripada negatif 0.7 peratus pada Januari 2023. Sumbangan positif terbesar ditunjukkan oleh Indeks Pengeluaran Perindustrian (0.5%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengistiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *“Connecting the World with Data We Can Trust”*.

Dikeluarkan oleh:


PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
20 APRIL 2023

LAMPIRAN I

Paparan I: Indeks Komposit Pelopor



Paparan II: Indeks Komposit Pelopor (Arah Aliran Jangka Panjang = 100) dan Kitaran Perniagaan



Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hours, Thursday, April 20, 2023**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIAN ECONOMIC INDICATORS
LEADING, COINCIDENT & LAGGING INDEXES
FEBRUARY 2023**

***Leading Index rebounded 0.6 per cent to 111.6 points in February 2023,
signalling an optimistic economy in the near term***

PUTRAJAYA, APRIL 20, 2023 - Today, the Department of Statistics Malaysia released the **MALAYSIAN ECONOMIC INDICATORS: LEADING, COINCIDENT & LAGGING INDEXES FOR FEBRUARY 2023**. The Leading Index (LI) is a predictive tool used to anticipate economic upturns and downturns in an average of four to six months ahead.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The annual change of Leading Index (LI) rebounded by registering a growth of 0.6 per cent to attain 111.6 points from 110.9 points in February 2022 (**Exhibit I**). The growth was underpinned significantly by the good performances in the Number of Housing Units Approved, Real Imports of Other Basic Precious & Other Non-ferrous Metals and Number of New Companies Registered. The trend is in line with the monthly change of LI which posted a growth of 2.9 per cent in February 2023 as against a negative 1.5 per cent in the previous month. Almost all components showed increases attributed mainly by the Number of New Companies Registered (1.0%).

Looking at the smoothed long-term trend in February 2023, LI recorded better index points compared to the previous month which was 99.41 points (January 2023 : 98.61 points) (**Exhibit II**). Although it remained below the trend of 100.0 points, the economic outlook is expected to improve in the near term supported by domestic demand and resilient policy measures under Budget 2023.

The Coincident Index (CI) which reflects the current economic condition, showed better year-on-year growth by registering 121.6 points in February 2023 as against 116.3 points in February 2022. The increase was contributed by all components mainly Real Contributions, EPF (16.8%). In the meantime, the monthly change in CI recorded 1.8 per cent in the reference month, up from a negative 0.7 per cent in January 2023. The largest positive contribution was shown by the Industrial Production Index (0.5%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents to provide information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
20 APRIL 2023**

Exhibit I: Leading Composite Index




Exhibit II: Leading Composite Index (Long Term Trend = 100) and Business Cycle

